

# Asas perbincangan Asean-Australia

# Menteri2 Asean

# bersetuju



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Ahad — Para Menteri Ekonomi Asean beretuju mengambil satu persetujuan bersama sebagai asas perbincangan di sidang pakar-pakar Asean-Australia di Canberra yang dijadualkan berlangsung pada 9 hingga 11 Januari depan.

Demikian menurut satu kenyataan bersama yang dikeluarkan di akhir mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean ke 7 yang berlangsung selama tiga hari yang tamat petang semalam.

Semua Menteri Ekonomi Asean yang menghadiri mesyuarat tersebut berpendapat sekim baru yang dicadangkan oleh Kerajaan Australia untuk mengadakan penerbangan tambang murah ke Eropah itu, akan mengurangkan persaingan persing-

gahan oleh pesawat-pesawat udara di negara-negara ASEAN.

Di samping itu, sekim tambang murah yang diusahakan oleh Qantas dan British Airways itu kelak akan menjejaskan hasil pendapatan syarikat penerbangan Asean.

"Malah lebih penting lagi ia akan menjejaskan perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan pelancongan," tambah kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, sekiranya Australia dan negara-negara Eropah ingin melaksanakan perkhidmatan tambang murah ini, tambang seumpama itu seharusnya ditawarkan kepada semua syarikat penerbangan yang menjalankan operasi antara Australia dengan tempat-tempat lain di Eropah sama ada yang singgah sebentar atau tidak di tempat-tempat berkenaan.

Lain-lain butir yang terkandung dalam kenyataan bersama di antara lain termasuk:

- Meluluskan 500 barangan tambahan untuk dimasukkan di bawah peraturan kelestimewaan perdagangan Asean dari 15 menjadikan jumlahnya 1,326.

- Pesta perdagangan Asean akan diadakan dua tahun sekali dan yang keduanya akan diadakan di Singapura dalam tahun 1980.

- Mengadakan sekim simpanan beras bagi kecemasan sebanyak 50,000 metrik tan.

- Mengambil langkah-langkah bagi membolehkan Asean berdiskari dalam bidang perkapalan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Perdana juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Turut serta ialah Menteri bagi Kawalan Pembangunan dan Alam Sekitar Sekitar Indonesia, Prof. (Dr.) Emil Salim, Menteri Perancangan Ekonomi Filipina, Encik Gerardo P. Sicat, Menteri Perindustrian Thai, Encik Kasame Chatkavanij dan Menteri Kanan Negara bagi Kewangan Singapura, Encik Goh Chok Tong.

Menteri-Menteri Ekonomi itu juga telah menandatangani perjanjian-perjanjian mengenai projek-projek Asean dan perjanjian-perjanjian tambahan bagi projek urea bagi Indonesia dan Malaysia.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No Set: 1183

No. Pen: 1154/80